

Newspaper	SELANGOR KINI
Date	22/09/2017B



Lihat pelbagai watak dan peranan

Perjuangan wanita di mata Siti Hasmah

OLEH NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Menjalani kehidupan sebagai isteri negarawan membuatkan Tun Dr Siti Hasmah Ali berpeluang melihat beraneka watak perjuangan wanita daripada pelbagai sudut.

Beliau berkata, itu membuktikan wanita memainkan peranan penting dalam membangunkan masyarakat menerusi pelbagai bidang sama ada menyentuh isu kemanusiaan juga ekonomi.

"Beberapa hari sebelum ini, saya berpeluang melihat perasaan dan watak wanita dalam negara iaitu pada 9 September lalu di Muar ketika ulangtahun Parti Pribumi Bersatu

Malaysia (PPBM) dengan wanita di situ muncul sebagai pejuang pengusaha kecil di gerai masing-masing bagi menunjukkan apa mereka mampu buat.

"Ada jual kosmetik, ubatan herba, makanan dan minuman, sekali gus menunjukkan wanita bukan sahaja sebagai pejuang tetapi ahli pemiagaan.

"Saya amat kagum melihat semangat mereka dan esoknya berubah watak dalam demonstrasi aman Wanita Bantah Politik Toksik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena perasmian pameran lukisan 15V Variasi & Versatil yang menampilkan karya seni vi-

sual 15 pelukis terkenal wanita, di Galeri Shah Alam, pada 14 September lalu.

Tun Dr Siti Hasmah berkata, beliau juga berpeluang melihat perjuangan wanita meningkatkan taraf pendidikan masing-masing dalam satu program, di Universiti Multimedia (MMU).

Pada masa sama, beliau turut menyaksikan wanita di Kedah berhadapan saat sedih ekoran kemangkatan Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, pada 11 September lalu.

"Wanita perlu gigih berusaha bagi mencapai kejayaan tanpa mengira bidang apa yang diceburi," katanya.

Selangor Kini - 22/9/2017 B.22